

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**SBU232 - Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **KEDUA-DUA** soalan di Bahagian A dan **SATU (1)** soalan sahaja di Bahagian B.

**BAHAGIAN A:** Jawab **KEDUA-DUA** soalan.

**Soalan 1** (20 markah)

Dengan ringkasuraikan maksud empat (4) perkara daripada senarai yang berikut:

- a. kos melepas untuk pendidikan
- b. fungsi sivik pendidikan
- c. ‘perang pengetahuan’
- d. pengkhususan awal (dalam pendidikan sains)
- e. kemampuan intelektual am
- f. falsafah pendidikan sains

**Soalan 2** (30 markah)

Pilih empat (4) pernyataan daripada senarai di bawah. Setujukah anda dengan setiap pernyataan yang dipilih? (Terangkan jawapan anda dengan ringkas dan tepat.)

- a. Teori dan penyelidikan sains kemasyarakatan bertujuan memahami faktor-faktor yang menjadi asas kerjasama dan perkongsian dalam dan antara kumpulan-kumpulan, institusi-institusi dan masyarakat-masyarakat tertentu.
- b. Umumnya perkembangan ekonomi dikaitkan dengan pendaftaran pelajar yang lebih tinggi, iaitu satu keperluan yang penting tetapi tidak mencukupi bagi mencapai pendidikan yang berkualiti.
- c. Disebabkan perubahan yang dialami dunia kini, mereka yang tidak mempunyai kemahiran yang disediakan melalui pendidikan akan susah berkembang maju.
- d. Daripada perspektif sejarah pendidikan telah merupakan ‘ibubapa’ tetapi juga ‘anak’ kepada pemerintah yang sedang berkembang.
- e. Pendidikan rendah dan menengah masih belum maju [di negara-negara yang kurang membangun]; jadi pembelajaran dan penyerapan sains dan teknologi oleh masyarakat pada keseluruhannya telah dilambatkan.
- f. Pemilihan dan pengkhususan awal tidak semestinya bercanggah dengan ‘Sains Untuk Semua’.

**BAHAGIAN B:** Jawab SATU (1) soalan sahaja.

**Soalan 3 (50 markah)**

Berpandukan petikan yang berikut, bincangkan hubungan antara bidang pendidikan dengan pembinaan ekonomi dan negara:

Pendidikan ‘membekalkan kemahiran teknikal dan pengetahuan tinggi yang diperlukan industri masa depan dan birokrasi kerajaan bagi perancangan strategik yang berkesan; pendidikan juga membina sikap dan motivasi inividu agar memastikan komitmen bersama dan penyertaan aktif demi mencapai matlamat pembangunan nasional. (A. Green 1997)

**Soalan 4 (50 markah)**

Berpandukan petikan yang berikut, bincangkan peranan pendidikan ilmu kemanusiaan dan sains kemasyarakatan dalam ekonomi berpengetahuan zaman sekarang:

Perubahan yang muncul daripada teknologi maklumat menambah permintaan ‘kemampuan intelektual am’ yang dibina oleh rancangan ilmu kemanusiaan dan sains kemasyarakatan, termasuk keupayaan memahami maklumat yang dijanakan sistem komputer, menganalisis dan mengaitkannya dengan keadaan dunia serta menggunakan sebagai asas tindakan. (R. Allen 1999)

**Soalan 5 (50 markah)**

Berpandukan petikan yang berikut bincangkan kebaikan dan kelemahan pendirian yang membantah dasar penswastaan pendidikan:

Model korporat bagi persekolahan dan budaya pasaran yang disahkan telah meroboh konsep tradisi yang menganggap sekolah sebagai simbol yang paling jelas bagi mengajar kemahiran kepimpinan, kewarganegaraan dan demokrasi. (H. Giroux 1999)

**Soalan 6 (50 markah)**

Berpandukan petikan yang berikut bincangkan sumbangan ilmu kemanusiaan dan sains kemasyarakatan kepada perubahan ekonomi semasa:

‘... melalui analisis sistem global secara sejarah dan perbandingan serta penilaian kesan dasar makroekonomi, maka pakar sains kemasyarakatan memberi sumbangan yang bererti kepada perbahasan nasional dan dasar kerajaan berkenaan dengan ‘ekonomi berpengetahuan’. (L. Mann 2001)